

22/09/1998

Surat terbuka kepada saudara Anwar Ibrahim

Ahli Umno Kuala Kedah

APABILA saudara disingkir daripada Kabinet kami berdukacita. Apabila saudara dipecat keanggotaan Umno, kami amat terharu mengenangkan apa akan berlaku kepada perjuangan agama, bangsa dan tanah air yang saudara laungkan selama ini. Apabila saudara pula melaungkan tuntutan keadilan, kami cemas lantaran apakah tiada keadilan di Malaysia? Apabila saudara memekik `reformasi' di setiap pelusuk kota dan desa, kami khuatir akan berlaku musibah seperti di Jakarta. Dan, apabila saudara bersekongkol dengan seteru politik kita yang bukan Islam, akhirnya kami berastaghfar panjang, menginsafi apa akan berlaku kepada nasib bangsa kita.

Beberapa hari lalu, kita disajikan oleh TV3 dengan petikan visual saudara dan Datin Seri Wan Azizah Ismail di Sungai Chua berkempen di atas pelantar politik bersama-sama dengan Lim Kit Siang yang saudara amat kenali matlamat politiknya.

Saya insaf serta merenung jauh ke dalam diri saudara yang selama ini disanjung sebagai pembawa bendera Islam di dunia sebelah sini. Sesungguhnya, Buletin Utama (8.30 mlm, 17 September 1998) menyiarkan Anwar yang kelihatan gagah, hebat dan berkarisma akhirnya tunduk layu kepada pujukan politik parti pembangkang yang jelas bersifat perkauman melampau pada outlook dan falsafahnya.

Saya yakin visual ini tidak mungkin dicipta di atas semangat konspirasi politik peringkat tertinggi untuk menjatuhkan saudara, seperti yang didakwa selama ini. Visual ini kelihatannya bukan palsu tetapi membuktikan selera seseorang yang sudah bankrap politik, lapuk idea dan mudah retak apabila ditekan.

Ini bukanlah sifat politik yang patut ada pada seseorang yang menggelar diri sebagai pejuang Islam dan pembela Melayu dalam zaman kebangkitan Islam ini. Tidak cukup dengan pidato selepas Lim, saudara terjerumus pula ke dalam perangkap DAP dengan menurunkan tandatangan pada petisen tajaan parti berkenaan untuk menuntut pembebasan Lim Guang Eng.

Sebelum tayangan visual itu, saya masih percaya perjuangan saudara mungkin akan berjaya lantaran politik saudara yang mantap, konsisten dan relevan dengan perkembangan semasa. Namun, apa yang saya lihat menghapuskan segala idealisme yang kita pegang selama ini, apabila saudara sanggup bersekutu dengan seteru politik dan melakukan perkara yang kita tidak boleh maafkan sama sekali.

Saya dan rakan-rakan masih boleh menerima andai kata parti Pas menjadi pilihan, akan tetapi mengapa DAP? Saudara tentu ingat ucapan kepada penyokong di kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri pada malam selepas surat pemecatan jawatan eksekutif diterima.

Kalau sudah lupa, biar saya ingatkan bahawa saudara menyebut, antara lain "... mereka menunggu kita membuat kesilapan". Sebenarnya mereka tidak lama menunggu. Saudara sudahpun melakukan kesilapan menerusi persekongkolan politik dengan Lim dalam konteks melakukan kesilapan tanpa paksaan atau unforced errors.

Kesilapan ini boleh disifatkan sebagai paling besar dan kritikal dalam sejarah politik saudara. Saya sedih dan hiba di atas apa yang saya sifatkan kehilangan pertimbangan politik wajar atau gross political miscalculation. Saya tidak sama sekali menjangka saudara akan bankrap idea politik sebegitu rupa.

Apakah sudah tersesat kiblat perjuangan saudara selama ini? Apakah saudara sudah hilang pertimbangan?

Benarlah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah berceramah pada pelantar politik pembangkang semasa dalam buangan pada 1969 selepas disingkir oleh pemerintahan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra. Namun, bezanya ialah Dr Mahathir tidak pula rakus mengambil setiap kesempatan yang ada, termasuk berucap di pentas politik tajaan parti pembangkang yang jelas bersifat perkauman yang selama ini saudara dan kita semua tentang.

Di sinilah bezanya antara political amateurs dengan political animal. Bagaimana hendak menentang Dr Mahathir, yang jelas seorang 'political animal' apabila saudara masih lagi berada dalam kelompok 'political amateurs?' Mungkin 20 tahun akan datang, majalah berita asing akan menulis kesilapan ini sebagai here was a brilliant Malay politician named Anwar Ibrahim but unfortunately he screwed it up due to this political misgivings.

Melihat pada raut wajah saudara yang begitu ceria di samping Lim membayangkan saudara tidak ada qualms untuk bersekutu dengan seteru politik saudara seketika dahulu, ataupun apakah selama ini semuanya satu sandiwara politik semata-mata.

Saya masih tidak mengesyaki apa-apa apabila Lim muncul di Damansara dengan kata-kata kepada akhbar bahawa beliau hanya tampil untuk memberi sokongan moral kepada Anwar Ibrahim.

Namun, tidaklah disangka bahawa kematangan politik Lim melebihi keupayaan saudara sehingga berjalan masuk ke perangkap politik yang disediakan oleh DAP tanpa sebarang paksaan. Sepatutnya sebagai seorang ahli politik yang begitu cemerlang masa depannya (seketika dahulu), saudara boleh menilai yang mana kaca dan yang mana permata.

Sebagai pejuang Umno dan pembela Melayu, tentu saudara lebih maklum kecenderungan politik parti pembangkang yang cukup sedia mengambil kesempatan pada apa jua ketika tanpa berfikir dua kali.

Apakah begitu senang sekali saudara terkulai? Apakah ini langkah seorang wira agama dan bangsa?

Nampaknya saudara begitu mudah tersungkur dengan pujuk rayu parti pembangkang yang saudara amat kenal belang dan tampuknya.

Sehubungan itu, saya ingin bertanya di manakah pendirian saudara? Atau apakah selama ini semua hanya retorika politik?

Masya-Allah, saya katakan kerana saya dan rakan dalam jemaah amat menginsafi nasib agama, bangsa dan tanah air.

Masihkah ingat kata-kata perpisahan saudara kepada jemaah di kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri malam itu yang antara lain berbunyi "... apabila mereka hendak ambil, biarlah saya pergi tanpa gangguan dan halangan. Biarlah saya pergi sebagai seorang pahlawan?"

Tentu saudara masih ingat kata-kata ini kerana ia masih segar dalam ingatan kita. Akan tetapi, apakah ini jejak pahlawan yang kita sanjungi selama ini? Apakah saudara juga tergolong dalam kelompok yang menyanjung tinggi falsafah matlamat menghalalkan cara?

Walaupun politik saya mungkin masih mentah, namun saya yakin ini bukanlah langkah pahlawan yang didokong oleh doa mereka yang dipimpin dan hasrat rakyat yang menginsafi nasib bangsa kita. Saya amat berharap Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Ruslan Kassim, Dr Abdul Rahim Ghouse dan Saifuddin Nasution Abdullah tidak sama terjebak ke dalam perangkap politik parti pembangkang yang tindakan mereka selama ini membenarkan 100 peratus apa yang dimaklumkan oleh Dr Mahathir.

Percayalah, ketika saudara bertegang leher melaungkan reformasi di atas pelantar politik DAP, Dr Mahathir hanya tersenyum lebar melihatkan tindak tanduk saudara yang kelihatan seolah-olah ketandusan idea politik di bawah tekanan yang mungkin tidak datangnya daripada kelompok yang mengelilingi Dr Mahathir seperti yang saudara dakwa.

Dr Mahathir akan tersenyum melihatkan bekas anak didiknya menari ikut

irama parti pembangkang. Kita sedih dan kecewa dengan perjuangan saudara ketika ini, dan bertanya apakah ini sebenarnya Anwar Ibrahim?

Tatkala kita sedang bertanya, nescaya Dr Mahathir sudahpun mempunyai jawapannya. Begitulah garis pemisah antara saudara dengan Presiden Umno, yang begitu matang dalam politik sehingga belum ada saingan yang sewajarnya atau worthwhile adversary.

Dengan persekongkolan politik bersama parti pembangkang, saya percaya akan lunturlah segala keyakinan dan kepercayaan orang Melayu terhadap saudara (jika masih ada) lantaran tindak-tanduk ini nyata kelihatan seakan-akan mengkhianati perjuangan agama, bangsa dan tanah air. Saya yakin sebelum peristiwa Sungai Chua, masih ramai di kalangan kita yang menyimpan harapan bahawa keadilan akan mengatasi kebatilan.

Namun, kini semuanya sudah berakhir dan tenggelam dalam lipatan sejarah. Amat sedih mengenangkan saudara menyimpang jauh daripada landasan perjuangan kita. Nampaknya sia-sia sajalah linangan air mata anak bangsa yang mengiringi perjuangan saudara sebelum ini dan musnahlah harapan kami yang ingin berpaut di bawah kepemimpinan yang saudara labelkan seketika dahulu.

Kalau adapun justifikasi saudara terhadap tindak tanduk dengan DAP selepas ini, apakah saudara masih dapat menyelamatkan susu sebelanga yang telah dinodai oleh tinta setitik?

Andai kata saudara akan diterima semula selepas ini, retorika politik apakah yang saudara akan bawa untuk kononnya menginsafi tindak-tanduk pengkhianatan yang dilakukan di Sungai Chua pada malam itu?

Saya amat berharap agar Anwar atau sekurang-kurangnya Wan Azizah (yang turut berucap sama pada malam itu) dapat meluangkan masa membaca nota ini yang ditulis di atas keinsafan terhadap nasib agama, bangsa dan tanah air.

Kita tidak punya masa lagi untuk retorika politik dan politik omong-omongan kosong. Saya ingin mengingatkan Anwar dan kita semua bahawa sanggup memegang jawatan bererti sanggup berkorban dan sanggup berkorban bermakna sanggup melakukan apa saja untuk memastikan agama, bangsa dan tanah air tidak menjadi korban. Sekian dimaklumkan.